



**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Oktober

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
- 4 *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 5 *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kelebihan menguasai pelbagai bahasa dan cara-cara meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan masyarakat. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Secara dasarnya, setiap negara mempunyai bahasa kebangsaan yang tersendiri. Di Malaysia, bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Walaupun begitu, hal ini tidaklah bermakna rakyat di negara ini tidak dibenarkan menggunakan dan mempelajari bahasa lain selain bahasa Melayu. Pada hakikatnya, peruntukan terbabit tidak pernah menjadi *halangan besar* bagi rakyat Malaysia untuk menguasai bahasa-bahasa lain. Keupayaan menguasai pelbagai bahasa merupakan satu kemahiran yang amat berguna bagi seseorang individu. Di samping fasih bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing, menguasai bahasa selain bahasa ibunda memberikan faedah dan kelebihan. Dewasa ini, pelbagai pihak mencanangkan bahawa penguasaan pelbagai bahasa menjadikan seseorang tidak akan berasa kekok ketika berurusan dengan pihak luar dari negara asing.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi utama dunia. Bahasa Inggeris digunakan secara meluas di seluruh dunia sama ada untuk tujuan rasmi atau tidak rasmi. Penguasaan pelbagai bahasa dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan pelbagai kepakaran. Situasi ini akan memberi laluan mudah bagi pelajar di institusi pengajian tinggi menghasilkan kajian ilmiah yang berkualiti. Seterusnya menguasai bahasa Inggeris penting dalam merebut peluang pekerjaan khususnya dalam sektor swasta. Tidak dinafikan bahawa para lepasan universiti pada masa ini perlu menghadapi cabaran untuk merebut peluang pekerjaan yang semakin berkurangan. Di samping itu, penguasaan bahasa oleh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum merupakan satu nilai tambah dalam berkomunikasi dengan kaum-kaum lain secara berkesan dan meningkatkan pengetahuan untuk mengenali keunikan bahasa dan budaya kaum tersebut. Keupayaan berkomunikasi antara kaum ini nescaya dapat melahirkan generasi yang menghargai dan menghormati nilai bahasa serta budaya sesuatu kaum, sekali gus meningkatkan jati diri mereka.

Dalam konteks ini, rakyat Malaysia perlu menguasai tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa pilihan yang dapat menjadi ejen perpaduan kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan mempelajari bahasa lain, seseorang itu memahami dengan lebih meluas dan mendalam tentang budaya, pantang larang dan adat resam kaum lain. Penguasaan kepelbagaian bahasa juga penting untuk menyebarkan nilai murni. Seseorang akan lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dengan sesiapa sahaja apabila menguasai pelbagai bahasa. Individu akan lebih berkeyakinan, lebih ceria dan selesa untuk berhadapan dengan sesiapa sahaja di tengah-tengah khalayak. Selain itu, pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi apabila menguasai lebih daripada satu bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana

hampir semua pusat pengajian tinggi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar memandangkan bahasa tersebut ialah bahasa komunikasi global.

Tuntasnya, penguasaan bahasa dalam kalangan rakyat Malaysia bukanlah bermaksud melupakan atau meminggirkan bahasa kebangsaan. Dengan menguasai pelbagai bahasa, rakyat Malaysia akan dipandang tinggi oleh negara lain. Kemahiran ini dapat mengangkat darjat rakyat Malaysia sebagai masyarakat yang berpengetahuan tinggi dan berbudi bahasa pada peringkat global.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Impak dan Kelebihan Menguasai Pelbagai Bahasa'
oleh Zulfiqar Mohd Yusof,
Dewan Siswa, Nov 2019

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *halangan besar*. [2 markah]
- (ii) Kebolehan berkomunikasi antara kaum sangat penting untuk mengeratkan perpaduan. Apakah kesan keupayaan berkomunikasi antara kaum? [3 markah]
- (iii) Penguasaan bahasa Inggeris sangat penting untuk memenuhi pasaran global. Pada pendapat anda, apakah punca-punca kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dek benih penjajah yang menanamkan racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.

Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalendar Mei pada wajah hari.

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Jelaskan kesan yang berlaku apabila rakyat dipecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik.

[2 markah]

- (ii) Perpaduan kaum sangat penting untuk mengekalkan keharmonian negara.

Pada pandangan anda, apakah usaha yang berkesan untuk mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah *perahunya olang-oleng*. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah: maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu: marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *perahunya olang-oleng*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah reaksi Sultan Muzaffar Syah setelah Bendahara Paduka Raja berjaya mengusir Siam? [3 markah]
- (iii) Keamanan penting dalam membentuk sebuah negara yang maju.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengekalkan keamanan negara?

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SEJADAH RINDU

Terkedu aku
di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

Mohd. Haikal Aminuddin

Kalam Pertama, 2013

Dewan Bahasa dan Pustaka

dalam antologi *Sejadah Rindu,*

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan doa yang dipohon oleh penyajak.

[2 *markah*]

- (ii) Didikan agama sangat penting dalam melahirkan insan yang mulia.

Pada pendapat anda, apakah peranan lain yang wajar dilakukan oleh ibu bapa untuk melahirkan anak-anak yang berakhlak mulia?

[3 *markah*]

- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) segar
- (ii) menyegarkan
- (iii) enak
- (iv) mengenakan
- (v) sulam
- (vi) menyulam

[6 markah]

(b) **Tukarkan ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.**

- (i) “Kerajaan hanya membenarkan peniaga tempatan berniaga di kawasan tersebut,” kata Datuk Azrul.
- (ii) “Kamu perlu mengamalkan penjarakan fizikal semasa melakukan aktiviti riadah dan rekreasi untuk mengelakkan penularan penyakit,” kata emak kepada Umar.
- (iii) “Mengapakah Farah tidak menghantar kerja sekolah yang diberikan pada minggu lepas?” tanya Cikgu Noor.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Pesakit itu telah dikenakan kurantin di hospital untuk mengelakkan dijangkiti kepada orang awam.
- (ii) Penganjur pertandingan akan sediakan hadiah kepada para pemenang pertandingan kokurikulum akedemik bahasa untuk menarik penyertaan daripada remaja.
- (iii) Barang yang dijual melalui Lazada kebiasaannya diberikan komisyen untuk menarik belian daripada pelanggan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Syarikat multinasional itu berjaya menarik pelabur-pelabur asing dan menyediakan alat bertaraf dunia.
- (ii) Tukang masak sedang menyediakan senarai barang-barang seperti ayam, daging dan sayur-sayuran untuk majlis keramaian perkahwinan anak hartawan terkenal.
- (iii) Petani itu menjual sayur kangkung untuk membiayai keluarganya yang hidup di dalam kesusahan.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

- (i) Semasa hidupnya, Menteri Besar tersebut banyak berjasa dalam memajukan negerinya sehingga jasa dan bakti tetap dikenang selepas kematiannya bak peribahasa _____

- (ii) Cikgu Meor sentiasa menasihati murid-murid Kelas 5 Juara yang gagal dalam mata pelajaran Matematik agar tidak berputus asa kerana bagi beliau _____

- (iii) Raimi bersyukur kerana dia berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke universiti yang diidam-idamkan seperti _____

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** keistimewaan watak utama.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan nilai keprihatinan.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT